

## Pusat Penempatan Pekerjaan bantu rakyat cari kerja sesuai kemahiran, pendidikan

Oleh [K Mohana Priya](#) - Mac 4, 2022 @ 12:25pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan

KUALA LUMPUR: Pusat Penempatan Pekerjaan (NPC) akan ditubuhkan bagi menyokong usaha kerajaan mewujudkan 600,000 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia tahun ini yang diumumkan pada Bajet 2022.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata NPC akan ditubuhkan secara berperingkat di setiap negeri yang dikendalikan Kementerian Sumber Manusia (KSM).

"Syarikat yang ingin menawarkan peluang pekerjaan boleh menggunakan pusat sehenti ini untuk bertemu dengan pencari kerja, menyediakan program latihan kemahiran dan pembangunan kemahiran serta menawarkan penempatan pelatih atau latihan praktikal.

"NPC juga akan menyediakan kemudahan berkaitan proses pengambilan pekerja yang memudahkan majikan dan rakyat Malaysia bertemu dengan kaunselor kerjaya bagi mendapatkan penilaian kerjaya, maklumat lanjut untuk mencorak laluan kerjaya serta kursus pembangunan kemahiran bagi mereka kekal berpengetahuan dan berkemahiran," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Saravanan berkata, individu yang melawat pusat ini boleh membuat pendaftaran di portal MYFutureJobs untuk mendapatkan akses lebih luas kepada peluang pekerjaan di seluruh negara.

"Individu juga boleh mencari dan memohon pekerjaan sesuai dengan pengalaman, minat dan kelayakan mereka menerusi bimbingan wakil sokongan di pusat berkenaan.

"Saya percaya dengan adanya NPC secara fizikal dan secara dalam talian, rakyat dari pelbagai latar belakang dan kebolehan akan mendapat peluang terbaik dalam mendapatkan pekerjaan bersesuaian," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, KSM komited memastikan usaha kerajaan ini berjalan lancar dan seterusnya akan mempercepatkan pemulihan ekonomi Malaysia tahun ini.

"Ini kerana agenda pembangunan bakat, penciptaan pekerjaan dan kelangsungan serta peningkatan taraf hidup rakyat menjadi keutamaan KSM," katanya.